



KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

SITUASI SEMASA DEMAM DENGGI DI MALAYSIA
MINGGU EPIDEMIOLOGI 29 (16 JULAI – 22 JULAI 2023)

Pada Minggu Epidemiologi ke-29 tahun 2023, jumlah kes demam denggi yang dilaporkan adalah sebanyak 2,258 kes berbanding 2,421 kes pada minggu sebelumnya, iaitu penurunan sebanyak 163 kes (6.7%). Dua (2) kematian akibat komplikasi demam denggi dilaporkan pada Minggu Epidemiologi ke-29 tahun 2023.


Kumulatif kes demam denggi yang dilaporkan sehingga Minggu Epidemiologi ke-29 adalah sebanyak 66,224 kes berbanding 29,603 kes bagi tempoh sama tahun 2022, iaitu peningkatan sebanyak 36,621 (123.7%). Manakala sejumlah 47 kematian akibat komplikasi demam denggi telah dilaporkan berbanding 19 kematian bagi tempoh yang sama pada tahun 2022.

Bilangan lokaliti hotspot pada minggu ini meningkat dengan sebanyak 104 lokaliti hotspot dilaporkan berbanding 100 lokaliti hotspot pada minggu sebelumnya, iaitu peningkatan sebanyak empat (4) hotspot. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 70 lokaliti berada di Selangor, 16 lokaliti di WPKL & Putrajaya, lima (5) lokaliti di Kedah, masing-masing tiga (3) lokaliti di Perlis, Pulau Pinang serta Sabah dan masing-masing satu (1) lokaliti di Perak, Negeri Sembilan, Melaka serta Johor.

Survelan chikungunya telah merekodkan dua (2) kes pada Minggu Epidemiologi ke-29. Jumlah kumulatif kes chikungunya sehingga kini adalah 144 kes. Manakala bagi survelan zika, sebanyak 1,718 sampel darah dan 109 sampel urin telah dijalankan saringan zika dengan hasil negatif.

Bekas-bekas buatan manusia (*man made container*) seperti baldi, tong air, alas pasu bunga dan sebagainya amat digemari oleh nyamuk *Aedes* sebagai tempat untuk bertelur. Oleh itu, setiap lapisan masyarakat perlu memastikan segala bekas-bekas berpotensi pembiakan di persekitaran rumah disimpan di tempat yang kering atau dilupuskan secara berhemah. Bubuh bahan pembunuh jentik-jentik pada struktur kekal yang menakung air seperti rekahan di lantai, bumbung bangunan yang landai, kolah air dan sebagainya. Bertindaklah sekarang kerana *Aedes* tidak mengenal mangsa. **Tiada *Aedes*, tiada denggi, chikungunya dan zika.**


DATUK DR. MUHAMMAD RADZI BIN ABU HASSAN
Ketua Pengarah Kesihatan
Kementerian Kesihatan Malaysia
Ogos 2023




Gambarajah 1: Perbandingan kes dan kematian demam denggi Minggu Epidemiologi ke-29 dan ke-28 tahun 2023



Gambarajah 2: Perbandingan kes dan kematian demam denggi sehingga Minggu Epidemiologi ke-29 tahun 2023 dan tempoh sama tahun 2022



Gambarajah 3: Perbandingan tren kes mingguan demam denggi Malaysia tahun 2023, 2022 dan median 2018-2022



Gambarajah 4: Jumlah lokaliti hotspot denggi Minggu Epidemiologi ke-29 tahun 2023